

## **LKE LADANG HIDROPONIK, TARIKAN TEMPAT YANG MENARIK**

Oleh: Nurnajwa Nordin , 1180178

PAHANG: Sebuah tempat pelancongan yang mempunyai tanaman sayuran dan buah-buahan segar-segar menggunakan kaedah hidroponik, dirasmikan pada awal bulan November lalu.

Ladang itu yang ditubuhkan melalui bantuan daripada Setiausaha Agung Parti Tindakan Demokratik (DAP), Dato' Lim Guan Eng, 58, salah seorang yang menyumbang daripada segi kewangan untuk membeli barang-barang tersebut.

“Ladang hidroponik ini adalah salah satu tempat yang menggunakan teknologi lain daripada yang lain berbanding ladang lain di Pahang.

Pengurus ladang, Lim Kok Jian, 28, berkata tujuan tempat ini ditubuhkan adalah untuk menarik minat pelancong agar tempat itu menjadi sebuah lokasi yang dikenali ramai dengan pelbagai tanaman yang sihat.

Antara sayuran yang ditanam ialah seperti sayur sawi, salad, kailan, bayam dan halia. Namun, sayuran yang ditanam secara tergantung menggunakan sabut di dalam polibeg ialah buah melon, tembikai dan cili.



Sayur-sayuran ditanam dalam tempat yang disediakan.

Suningsih Rosidi, 37, salah seorang pekerja berkata penanaman ini tidak perlu disiram setiap hari kerana ianya hanya memasukkan tanah, anak benih dan siram air sekejap dalam masa 10 minit, selepas itu airnya dibuang dan dibiarkan begitu sahaja kerana air yang tadi menjadi lembab ditanah.



Penanaman buah tembikai susu di tempat yang disediakan.

Pemandangan yang cantik dan segar menarik perhatian ramai pelancong untuk mengambil gambar disamping bayaran masuk yang hanya dikenakan untuk orang dewasa sahaja.

Pelancong, Laila Aripin, 65, berkata harganya berpatutan mengikut saiz pokok, contohnya tiga batang pokok RM2.00 dan ada juga dua batang pokok RM2.00.

LKE Hydroponic Farm adalah sebuah nama yang automatik dikenali dalam industri pelancongan melalui sosial media seperti “Facebook”, “Instagram”, “Twitter” dan poster-poster yang diiklankan di pelbagai tempat.

“Tempat ini merupakan salah satu tempat kedekatan budaya, contohnya orang awam boleh memainkan peranan dengan cara bertegur sapa bersama para pelancong atau sekadar mengukir senyuman sebagai tanda persahabatan dan kemesraan kerana ia adalah salah satu budi bahasa budaya kita,” kata Lim Kok Jian.